

# PM Thailand sifatkan kritikan terhadap Anwar sebagai tak adil

Anutin hubungi Anwar berhubung dakwaan campuri urusan negara jiran



**Perdana** Menteri Thailand, Anutin Charvirakul menyifatkan kritikan oleh beberapa kumpulan Thai kononnya Datuk Seri Anwar Ibrahim mencampuri urusan negara jiran itu sebagai tidak adil.

Perdana Menteri berkata Anutin menyampaikan perkara itu kepadanya melalui panggilan telefon awal pagi kelmarin.

“Beliau menghubungi saya pada waktu pagi untuk meyakinkan saya bahawa ... anda tahu... apa yang didakwa (oleh kumpulan Thai) itu tidak benar.

“Beliau bersikap baik. Katanya kritikan itu tidak adil. Dia berkata, Anwar, tolong (faham)... bagi kami, kami tahu peranan anda. Anda telah memudah cara usaha ini (berkaitan rundingan damai antara Thailand dan Kemboja),” katanya ketika bercakap kepada media dalam penerbangan pulang ke Kuala Lumpur pada penghujung lawatan tiga negaranya



Anwar tiba di Kompleks Bunga Raya, Sepang selepas menamatkan lawatan rasmi ke Kenya.

(Foto Pejabat Perdana Menteri)

di Afrika malam kelmarin.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata apa yang lebih mengejutkannya berkaitan kritikan kumpulan Thai itu adalah bagaimana sesetengah rakyat Malaysia pula terlalu berlebih-lebihan mengenai perkara itu.

“Apa yang lebih mengejutkan saya ialah ada rakyat Malaysia yang terlalu teruja kononnya kita dikritik di Thailand, untuk apa?”

“Ia bukan mengenai Anwar, ramai pihak lain terbabit (dalam membantu menamatkan konflik

sempadan Thailand-Kemboja).

“Kritik ini seolah-olah menganggap ia peranan satu individu, itu tidak benar,” katanya sambil menambah beliau tidak sabar untuk bertemu Anutin semalam sebelum berlepas ke Sabah.

**Dakwaan tidak berasas**

Ahad lalu, Anwar menolak dakwaan kumpulan di Thailand bahawa beliau mencampuri urusan negara itu dalam usaha menyelesaikan pertikaian sempadan negara itu dengan Kemboja.

campuri usaha Thailand mempertahankan kedaulatannya berkait rundingan damai itu.

Sementara itu, Anwar juga berkata pemansuhan tarif terhadap hasil pertanian dan daging lembu dari Kenya akan menurunkan kos makanan, khususnya daging, untuk pengguna di Malaysia.

Katanya, harga daging lembu di Malaysia masih terlalu tinggi dan penghapusan tarif dari negara seperti Kenya boleh membantu menurunkan harga.

“Saya tidak melihat ini sebagai masalah kerana ia akan memberi manfaat kepada pengguna.

“Kita memperluas pasaran dan memudahkan proses import daging tanpa menambah kos. Ini akhirnya akan menguntungkan rakyat,” katanya.

Ditanya sama ada keputusan itu akan memberi kesan kepada petani tempatan dan keselamatan makanan negara secara keseluruhan, Anwar berkata perkara itu tidak akan berlaku.

Beliau berkata perlindungan kepada petani tidak seharusnya mengorbankan kepentingan pengguna.

“Kita pertahankan petani jika harganya munasabah, lagipun kita (negara) memang sudah mengimport daging.

“Jadi mengapa hanya mengimport dari beberapa negara terpilih dan menyukarkan negara lain yang kurang berjaya dari segi ekonomi untuk menjual hasil mereka?”

“Selagi prosedur dan parameter dipenuhi, tiada sebab kita perlu mendiskriminasi negara-negara yang lebih miskin,” katanya.